

# **Kisah Zul Qarnain:**

## **Pengajaran Dari Al-Kahf, 18:83-98**

Muhammad Haniff Hassan  
[ismhaniff@ntu.edu.sg](mailto:ismhaniff@ntu.edu.sg) / [www.haniff.sg](http://www.haniff.sg)

Masjid Darussalam, 31 Januari 2015

# Pengenalan

- Kisah Zul Qarnain disebut dalam Al-Kahf, 83-98
  - fahami kisah supaya lebih faham surah
  - kisah ketiga yang ditanya kepada Nabi s.a.w oleh Quraisy
  - Allah turunkan wahyu ini untuk jawab
- Kenali Zul Qarnain
  - makna = yang mempunyai dua tanduk
    - > rujuk pada raja di Timur dan Barat
    - > rujuk pada mahkota yang bertanduk dua
  - siapa?
    - > versi paling popular – Iskandar / Alexander the Great
    - > seorang raja Parsi
    - > tiada jawapan yang pasti, semua versi dipertikaikan
    - > isu sejarah, bukan agama = bukan fokus ceramah

# Sinopsis Kisah

- Zul Qarnain dikurniakan kuasa dan kedudukan oleh Allah
- Berjalan ke Barat dan berjumpa satu kaum dan berhadapan dengan isu – perang atau dakwah aman
- Berjalan ke Timur
- Berjalan lagi hingga ke satu kawasan antara dua dinding
  - jumpa satu kaum yang minta tolong dari kejahatan Yakjuj dan Makjuj
  - bina dinding besi untuk halang Yakjuj dan Makjuj dengan pertolongan kaum itu

# Pengajaran Dari Ayat

- Zul Qarnain adalah seorang mukmin (18:83, 88, 98)
  - 18:83, perkataan “*makkanna*” tidak diguna untuk bukan Muslim
- Dua pendekatan memahami kisah ini
  - literal dan benar
  - kiasan dan perumpamaan = Zul Qarnain, Yakjuj dan Makjuj (*Gog and Magog*), dinding besi = dibenarkan selama mana masih dalam ruang pemikiran rasional atau disokong oleh metodologi yang betul i.e. bukan rambang, atau merepek

- 18:84
  - Zul Qarnain tokoh yang kuat, diangkat ke kedudukan yang amat berkuasa
  - kerana menguasai ilmu sebab musabab = kepentingan mengetahui sebab musabab, wasilah yang betul untuk capai tujuan, i.e. ilmu, kemahiran dan teknologi
  - Islam hargai kuasa dan orang yang berkuasa, bukan mencela atau meminggirkan mereka = untuk tujuan kebaikan i.e. tegakkan keadilan dan bantu golongan lemah (18:87-8, 94)
- 18:85, penegasan kepentingan sebab musabab
  - untuk berjaya, ikuti sebab musabab = cari sebab sesuatu perkara, sebab untuk capai tujuan = cari "*causal explanation*"

- 18:86, apa maksud “*Maghrib*”?
  - secara tradisi, rujuk pada daerah yang meliputi Moroko, Tunisia dan Algeria
  - bermaksud Barat Jauh (*the farthest west*) = bumi yang berhadapan dengan Lautan Atlantik di mana matahari terbenam = Moroko
  - Kesamaran untuk menggalakkan Muslim membuat kajian = belajar sejarah dan bidang ilmu yang berkaitan
- Zul Qarnain dan bukan Muslim (18:87-8)
  - dua pilihan; hukum (perang) atau ihsan (dakwah aman)
  - perang kerana bukan Muslim atau kerana zalim?
    - > perhatikan 18:87, guna sifat zalim, bukan sifat agama = perang kerana zalim (Muslim atau bukan Muslim) = kezaliman yang mewajarkan perang, bukan hanya zalim sahaja
    - > 18:88 ihsan bukan hanya kepada yang beriman, tapi juga yang buat baik = tidak zalim

> sesuai dengan pendapat majoriti ulama = jihad kerana zalim, bukan beza agama

- kalau kata-kata Zul Qarnain ini bersifat ultimatum kepada bukan Muslim, boleh dijawab ia adalah syariat masa itu, tidak mengikat kita kerana tidak sesuai dengan ayat-ayat jihad dalam Al-Quran

> paling-paling pun, hanya sebagai pilihan, bukan pilihan utama

- Perhatikan, sifat hukuman bukan superlatif untuk yang berdosa (18:87), tapi "*husna*" (kebaikan terbaik = superlatif) untuk yang beriman = sifat dakwah yang pengasih
- 18:90, setelah takluk Barat, menuju ke Timur
  - berjumpa kaum yang tidak berbaju (primitif)
  - perhatikan, tiada penjelasan terperinci mengenai tujuan menceritakan insiden ini dalam Al-Quran = terbuka pada kajian

- Menuju ke arah ke tiga (18:93)
  - ulama kata tuju ke Utara, hingga ke satu tempat antara dua dinding (gunung)
    - > sebahagian kata terletak di Armenia, Azerbaijan, dekat Laut Hitam
  - jumpa kaum yang tidak difahami bahasanya
  - mengadu tentang Yakjuj dan Makjuj yang menyebabkan kemusnahan di muka bumi
- Yakjuj dan Makjuj
  - benar atau kiasan?
  - jika benar, siapa? Sebahagian ulama kata Mongol = telah berlaku (21:96), tidak akan berlaku di masa depan atau dekat kiamat nanti
  - kiasan = satu bangsa yang lakukan kemusnahan besar di muka bumi = terbuka pada tafsiran = masih boleh berlaku



- Yang peting = fokus bukan pada Yakjuj dan Makjuj, tapi pada perbuatan Zul Qarnain untuk halang Yakjuj dan Makjuj dengan kuasa yang dia ada i.e. kedudukan dan teknologi
  - kalau ada kedudukan dan teknologi, siapa Yakjuj dan Makjuj dan bila dia muncul, boleh di atasi
  - kalau tiada, apa jadi?
- 18:94, bantu bina dinding pemisah
  - sebahagian ulama kata, ini ada ditulis dalam buku sejarah kuno, tapi tak sampai pada kita
  - Zul Qarnain bantu tanpa harap ganjaran (18:95)
    - > hanya minta bantuan tenaga dari kaum yang minta tolong
    - > manifestasi sifat syukur akan kuasa yang ada
    - > gunakan nikmat untuk kebaikan = bantu yang lemah sebagai tanda syukur
  - apabila berada di kedudukan berkuasa, jadilah seperti Zul Qarnain, bukan Firaun
  - Islam anjurkan Muslim untuk bantu golongan lemah, tertindas, tanpa kira agama dan bangsa

- 18:96, buat besi
  - Al-Quran bukan hanya kitab kerohanian
  - beri kepentingan pada sains dan teknologi
  - besi juga simbol ilmu, kemahiran dan teknologi yang strategik = zaman besi dalam sejarah
    - > renung, apakah ilmu, kemahiran dan teknologi yang memberi kelebihan strategik hari ini?
  - pemimpin yang baik ialah yang berilmu dan berkemahiran seperti Zul Qarnain, bukan kuat dan “sado” sahaja
- 18:98, kembalikan kejayaan kepada Allah
  - sama seperti Sulaiman (27:40), beza dengan Qarun (28:78)
  - pengajaran tentang tawaduk dan syukur

- Pelajaran lain
  - dinding pemisah = justifikasi bagi penjara bagi sesiapa yang melakukan kerosakan ke atas muka bumi
  - kepimpinan ialah mendorong orang ramai bekerja bersama kita untuk capai sesuatu tujuan
  - jangan tamak apabila berkuasa = jangan hanya lihat sesuatu perkara dari sudut pandangan kuasa dan kekayaan = buat baik tanpa ganjaran (*altruistic*) = Zul Qarnain bantu tanpa minta apa-apa

# Kesimpulan

- Islam muliakan golongan yang kuat dan berkuasa
- Untuk capai, kuasai ilmu sebab musabab
- Bukan hanya ilmu agama (penting), tapi juga ilmu sains (tabi'ii dan kemanusiaan dan sosial) dan teknologi
- Sudah berkuasa, jangan lupa diri dan sombong = ingat Tuhan
- Gunakan kuasa untuk kebaikan, sebar agama

- Bantu semua yang memerlukan, bukan Muslim sahaja
- Keras pada yang zalim, bukan kerana bukan Muslim semata-mata
- Islam anjurkan Muslim menjadi pemimpin yang baik, bukan larikan diri dari kepimpinan = kuasai ilmu kepeimpinan
- Dakwah Islam adalah pengasih dahulu

Terima Kasih